



## PERLAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DI LEMBAGA JURUKUR TANAH

---

Pada 1hb April 2015, sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan mula dilaksanakan di negara ini. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah (LJT) telah berdaftar dibawah GST dengan nombor pendaftaran **001809948672**.

Dengan ini, LJT ingin memaklumkan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian dalam perlaksanaan GST di LJT mulai 1hb April 2015. Perkara-perkara tersebut adalah seperti berikut:-

- 1- CAJ PENTADBIRAN (LEVY), YURAN-YURAN DAN LAIN-LAIN CAJ YANG DINYATAKAN DI DALAM PERATURAN-PERATURAN JURUUKUR TANAH BERLESEN 2011.**
  - a. Caj pentadbiran (levy) dan lain-lain yuran yang dikenakan berdasarkan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 adalah **tidak dikenakan GST** dan berstatus "*out of scope*".
- 2- LAIN-LAIN YURAN, CAJ PERKHIDMATAN DAN SEWAAN**
  - a. Bagi lain-lain perkhidmatan yang tidak dinyatakan didalam Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011, ia adalah tertakluk kepada GST pada **kadar standard 6%**. Contohnya yuran kursus dan sewaan.
- 3- PROSES TRANSAKSI DI DALAM SISTEM ELJT SELEPAS 1HB APRIL 2015**
  - a. LJT masih **mengekalkan penggunaan borang-borang LJT** yang sedia ada di dalam sistem ELJT termasuk berkaitan tuntutan bayaran kemajuan fi ukur.
  - b. Juruukur Tanah Berlesen (JTB) dikehendaki memaklumkan kepada LJT samaada mereka berdaftar atau tidak berdaftar dengan GST untuk dikemaskini di dalam profil ELJT.
  - c. Bagi tuntutan bayaran kemajuan fi ukur, JTB yang berdaftar dengan GST **tidak perlu melampirkan tax invoice kepada LJT** semasa menghantar borang-borang tuntutan yang berkenaan di dalam sistem ELJT.
  - d. Bagi JTB yang berdaftar dengan GST, **amaun GST di dalam borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 dan LJT710 akan dikira secara automatik**. Amaun GST ini akan **dikembalikan sepenuhnya kepada JTB** seperti mana yang diamalkan semasa pembayaran Cukai Perkhidmatan (STax) pada masa ini.
  - e. Bagi JTB yang tidak berdaftar dengan GST, secara automatik **amaun GST tidak akan dikira di dalam borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 dan LJT710**.



## PERLAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DI LEMBAGA JURUKUR TANAH

---

- f. Proses ini adalah selaras dengan hasil daripada beberapa siri perbincangan dengan pihak PEJUTA yang memohon supaya proses sedia ada dikekalkan. Pihak PEJUTA bersetuju bahawa JTB bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua urusan berkaitan GST mereka.
- g. Sebagai penyedia perkhidmatan (*service provider*) kerja ukur, JTB bertanggungjawab untuk menyediakan dokumen yang sewajarnya berkaitan GST fi ukur mereka kepada pelanggan untuk tujuan tuntutan GST input tax dan kepada pihak kastam untuk tujuan pelaporan dan pengauditan GST.

### 4- KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM ELJT

- a. LJT sedang menaik taraf borang-borang sedia ada di dalam sistem ELJT untuk memasukkan pengiraan GST bagi menggantikan Cukai Perkhidmatan (STax) didalam pengiraan deposit fi ukur.

### 5- SISTEM PERAKAUNAN PATUH GST (*ACCOUNTING SYSTEM GST COMPLIANCE*)

- a. Sistem ELJT adalah perisian untuk urusan berkaitan transaksi yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen 2011 sahaja. **Sistem ELJT ini bukan satu perisian perakaunan** yang komprehensif.
- b. **JTB dikehendaki mempunyai sistem perakaunan patuh GST yang sesuai dengan aktiviti-aktiviti perniagaan masing-masing.** Sistem perakaunan patuh GST yang diperlukan boleh didapati di pasaran atau dengan menaik taraf sistem perakaunan sedia ada.
- c. JTB boleh melayari [www.gst.customs.gov.my](http://www.gst.customs.gov.my) untuk menyemak senarai pembekal perisian perakaunan patuh GST.

### 6- MEWUJUDKAN PENYATA TUNTUTAN DEPOSIT FI UKUR (*STATEMENT OF CLAIM – DEPOSIT OF SURVEY FEE*)

- a. Mulai 1hb April 2015, LJT akan mewujudkan **Penyata Tuntutan Deposit Fi Ukur (Statement of Claim – Deposit of Survey Fee)** di dalam borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 dan LJT710. Penyata tuntutan ini dikeluarkan bagi bayaran deposit fi ukur seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 26(1), Peraturan Juruukur Tanah 2011, Akta 458.
- b. JTB dikehendaki mencetak **Penyata Tuntutan Deposit Fi Ukur (Statement of Claim – Deposit of Survey Fee)** di dalam borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 dan LJT710 dan menyerahkannya kepada pelanggan untuk tujuan bayaran deposit fi ukur kepada LJT.



## PERLAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DI LEMBAGA JURUKUR TANAH

---

- c. JTB dikehendaki **memasukkan maklumat pelanggan, maklumat lot tanah/parcel dan pengiraan fi ukur** di dalam borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 dan LJT710 yang berkenaan sebelum mencetak Penyata Tuntutan Deposit Fi Ukur tersebut.
- d. Penyata ini **bukan tax invoice** yang boleh digunakan oleh pelanggan untuk tujuan menuntut GST tax input.
- e. Pada peringkat ini borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 dan LJT710 masih berstatus "*data entry*". Sekiranya terdapat pembatalan dalam urusan kerja ukur tersebut, JTB dikehendaki membatalkan borang-borang yang berkenaan untuk mengelakkan kekeliruan dimasa hadapan.
- f. Pembatalan borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 dan LJT710 akan menyebabkan pembatalan Penyata Tuntutan Deposit Fi Ukur. Oleh itu sebelum membatalkan borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 atau LJT710, **JTB hendaklah memastikan tiada bayaran dibuat oleh pihak pelanggan bagi kerja ukur yang dibatalkan itu.**
- g. Seperti amalan sekarang, borang-borang LJT800, LJT810, LJT700 dan LJT710 yang telah lengkap dengan bayaran dan dokumen-dokumen sokongan perlu dihantar ke LJT untuk proses seterusnya. Borang-borang yang telah dihantar ke LJT adalah berstatus "NEW".

### 7- MEWUJUDKAN INBOIS CAJ PENTADBIRAN (INVOICE LEVY)

- a. Mulai 1hb April 2015, LJT akan mengeluarkan inbois caj pentadbiran (*invoice levy*).
- b. **Tiada caj GST dikenakan ke atas 2% caj pentadbiran (levy) fi ukur kerana ia berstatus "out of scope".** Ini kerana caj tersebut adalah tertakluk kepada Seksyen 28 Peraturan Juruukur Tanah 2011, Akta 458.

### 8- PENGHAPUSAN (DELETION) BORANG-BORANG LJT700, LJT710, LJT800 DAN LJT810 BERSTATUS "DATA ENTRY" PADA 31HB MAC 2015

- a. Semua borang-borang LJT700, LJT710, LJT800 dan LJT810 di dalam ELJT yang berstatus "*data entry*" akan **dihapuskan (delete)** pada **pukul 1.00 petang hari Selasa, 31hb Mac 2015**. Sehubungan itu anda dikehendaki :-
  - i. menghantar borang-borang "*data entry*" yang lengkap ke LJT dengan segera untuk diproses selanjutnya; atau



## PERLAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST) DI LEMBAGA JURUKUR TANAH

---

- ii. mencetak dan menyimpan borang-borang yang diperlukan untuk dimasukkan semula data-data tersebut selepas 1hb April 2015.

### **9- BORANG-BORANG LJT700, LJT710, LJT800 DAN LJT810 BERSTATUS “QUERY” DAN LAIN-LAIN BORANG TUNTUTAN BAYARAN KEMAJUAN FI UKUR DI SISTEM ELJT**

- a. Borang-borang LJT700, LJT710, LJT800 dan LJT810 yang masih berstatus “query” dan borang-borang LJT702, LJT704, LJT802 dan LJT804 **akan dikekalkan** selepas 1hb April 2015.
- b. Bagi borang-borang LJT700, LJT710, LJT800 dan LJT810 berstatus “query” yang dihantar semula selepas 1hb April 2015, semakan semula akan dibuat dengan **mengambil kira pengiraan GST** di dalam kerja-kerja tersebut.
- c. Anda dikehendaki menghantar semula borang-borang LJT700, LJT710, LJT800 dan LJT810 berstatus “query” yang telah lengkap **dengan kadar segera atau sebelum pukul 1.00 petang hari Selasa, 31hb Mac 2015** untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

### **10- DATA PERCUBAAN (DATA TESTING) ATAU KIRAAK ANGGARAN DALAM BORANG-BORANG ELJT**

- a. Mulai 1hb April 2015, borang-borang di ELJT hendaklah digunakan untuk kemasukan **data-data yang sebenar**.
- b. Borang-borang yang digunakan untuk tujuan percubaan (*testing*) atau kiraan anggaran **hendaklah dihapuskan (delete)** dengan segera bagi mengelakkan kekeliruan di masa hadapan.
- c. JTB dikehendaki membuat pembersihan data (*data cleaning*) terhadap borang-borang berstatus “data entry” yang tersenarai di dalam sistem ELJT dari masa ke semasa untuk mengelakkan kekeliruan selain memaksimumkan ruang pengkalan data di ELJT.

Sekian, harap maklum.

Setiausaha  
LEMBAGA JURUKUR TANAH  
MALAYSIA